

03 FEB 2004

Mahathir-sotong

DR MAHATHIR SERONOK CERITA PENGALAMAN CANDAT SOTONG DI LANGKAWI

LANGKAWI, 3 Feb (Bernama) -- Selepas berjaya mencandat lapan kilogram sotong dalam tempoh hanya empat jam di sini malam tadi, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan agar kegiatan itu diterokai sepenuhnya untuk menjadi satu produk pelancongan yang baru di Langkawi.

"Semalam saya menaiki bot mencandat sotong dekat Pantai Chenang dari 11 malam sampai 3 pagi. Saya dapati di situ ada lebih 100 bot turut mencandat sotong, macam sebuah bandar diterangi dengan lampu...bukan main banyak sotong," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Kecemerlangan Remaja Dalam Sukan Emkay di Taman Sungai Kuala Melaka di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang mengilhamkan banyak projek pelancongan di pulau peranginan ini, berkata pihak-pihak yang terlibat dalam bidang pelancongan mungkin tidak berapa tahu macam mana untuk mengambil kesempatan yang ada di Langkawi ini.

Dr Mahathir, yang seronok bercerita tentang pengalamannya mencandat sotong itu berkata, bot kecil yang beliau naiki itu telah membawa pulang sebanyak lapan kilogram sotong.

"Aktiviti itu boleh kita promosikan. Orang Jepun suka makan sotong, kita boleh bawa mereka ke sini dan ajak ke laut mencandat sotong," katanya.

Beliau berkata, banyak lagi daya tarikan seperti memberi makan burung helang, menerokai keindahan paya bakau serta menjejaki ikan lumba-lumba, boleh diadakan.

Dr Mahathir juga berkata projek bandar marina Telaga Harbour Park di Pantai Kok akan dilengkapi dengan tiga hotel, masing-masing satu hotel bagi kelas enam bintang, lima bintang dan tiga bintang bagi menampung kedatangan pelayar ke situ.

Telaga Harbour Park, telah menjadi tempat yang cantik selepas dibangunkan sebagai sebuah bandar yang mempunyai kemudahan marina.

Mengenai program Kecemerlangan Remaja Dalam Sukan Emkay yang dilancarkan itu, Dr Mahathir berkata ia program yang baik kerana dapat melatih anak-anak menjadi cemerlang dalam bidang sukan.

Katanya untuk menjadi pakar dalam sesuatu bidang sukan ia harus bermula dari kanak-kanak seperti dilakukan atlit yang berjaya di negara barat.

"Malangnya di negara kita, tidak ramai atlit dilatih dari kecil lagi.

Saya mengucapkan tahniah kepada Syarikat Emkay kerana tampil dengan idea

untuk melatih kanak-kanak itu dalam sukan golf dan tenis," katanya.

Beliau juga berharap lebih banyak syarikat korporat tampil menjayakan

pelbagai aktiviti untuk masyarakat sebagai satu usaha membalas budi"

Program Kecemerlangan Remaja Dalam Sukan Emkay itu melatih 30 kanak-kanak dalam sukan golf dan 13 kanak-kanak dalam sukan tenis, yang

dibiayai sepenuhnya oleh Kumpulan Emkay. Kanak-kanak berkenaan dipilih dari

beberapa sekolah rendah di sekitar Padang Matsirat di sini.

Turut hadir ialah Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha

Kamal Abu Bakar.

-- BERNAMA

ZI MZM SHI KHY MAI